



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA



Tel. : 03-8883 2545  
Faks : 03-8889 5542  
Web : anhisam@moh.gov.my

Rujukan Kami : **KKM 600-1/3/258**  
Tarikh : **14** April 2016

## Semua Pengarah Hospital Latihan Siswazah,

Y. Bhg. Prof/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

### **PEMANTAPAN TATACARA PELAKSANAAN TAGGING TERHADAP PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS).**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y. Bhg Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, terdapat maklumbalas diterima agar pelaksanaan sistem *tagging* dalam kalangan PPS perlu dimantapkan lagi antara lain kerana;

2.1 Untuk memastikan supaya kurangnya variasi atau perbezaan dalam pelaksanaan sistem *tagging* di antara jabatan atau di antara hospital.

2.2 Keperluan pemantauan terhadap PPS baru yang menjalani *tagging* iaitu mereka perlu diberikan bimbingan oleh Pakar Penyelia/ Pegawai Perubatan yang senior bukannya dipantau oleh PPS lain.

3. Susulan itu, Program Perubatan telah memantapkan lagi tatacara pelaksanaan *tagging* setelah membuat beberapa siri perbincangan bersama Ketua Perkhidmatan, Pengarah Hospital tertentu dan Pakar-Pakar dari pelbagai disiplin.

4. Maklumat terperinci mengenai pemantapan tatacara pelaksanaan *tagging* adalah seperti di Lampiran 1 dan diringkaskan seperti berikut;

4.1 Waktu *tagging* adalah 7 pagi - 10 malam.

4.2 Tempoh biasa *tagging* adalah 2 minggu.

a) Sekiranya PPS telah mahir dan selamat untuk bertugas, tempoh *tagging* boleh dipendekkan kepada tempoh minima 1 minggu sahaja.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO : AR 4702



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT NO : AR 4702

- b) Sebaliknya jika PPS didapati gagal memenuhi tahap minima kompetensi yang diperlukan maka tempoh *tagging* boleh dilanjutkan. Tempoh perlanjutan adalah sama seperti perlanjutan dalam sesuatu posting. Namun, jika PPS dilanjutkan tempoh *tagging* maka mereka perlu bertugas mengikut sistem bekerja fleksi termasuk fleksi malam.
- 4.3 PPS yang menjalani *tagging* perlu diberikan bimbingan oleh Pakar Penyelia/ Pegawai Perubatan yang senior.
- 4.4 PPS perlu hadir setiap hari sepanjang tempoh *tagging* dan wajib mengetik kad perakam waktu sebagai bukti kehadiran.
- 4.5 Layak mendapat cuti rehat selama 1 hari dalam seminggu.
- 4.6 Kriteria *off-tagging* meliputi aspek sikap yang memuaskan, kehadiran yang optimum, mencapai tahap minima kompetensi, prestasi kerja yang mencapai *tahap* minima kompetensi dan pengetahuan yang memuaskan.
- 4.7 Sekiranya *tagging* dilanjutkan maka Ketua Jabatan atau Penyelia perlu memaklumkan keputusan tersebut kepada PPS yang terlibat dan membuat dokumentasi secara bertulis dalam buku log.

5. Sukacita Y.Bhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan diarahkan untuk melaksanakan perkara ini mulai **1hb Mei 2016**. Susulan itu, tatacara ini hendaklah diedarkan kepada semua jabatan yang berkaitan di semua Hospital Latihan Siswazah.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

sk. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Semua Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri

Y. Bhg. Dato' Dr. Hussain Imam Hj. Muhammad Ismail  
Pakar Perunding Kanan & Ketua Jabatan Pediatrik  
Hospital Kuala Lumpur  
(Selaku Ketua Perkhidmatan Pediatrik, KKM)

Y. Bhg. Dato' Premchandran A/L P.S. Menon  
Pakar Perunding Kanan & Ketua Jabatan Ortopedik  
Hospital Tuanku Ampuan Afzan, Kuantan  
(Selaku Ketua Perkhidmatan Ortopedik , KKM)

Y. Bhg. Dato' Dr. Jamil Abdullah  
Pakar Perunding Kanan dan Ketua Jabatan Pembedahan  
Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu.  
(Selaku Ketua Perkhidmatan Pembedahan, KKM)

Y. Bhg. Datin Dr. Sivasakthi a/p Velayuthapillai  
Pakar Perunding Kanan & Ketua Jabatan Anestesiologi  
Hospital Kuala Lumpur  
(Selaku Ketua Perkhidmatan Anaesthesia KKM)

Dr. Ravichandran a/l Jeganathan  
Pakar Perunding Kanan & Ketua Jabatan Obstetrik &Ginekologi  
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.  
(Selaku Ketua Perkhidmatan Obstetrik & Ginekologi)

Dr. G Letchuman a/l Ramanathan  
Pakar Perunding Kanan & Ketua Jabatan Perubatan  
Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh  
(Selaku Ketua Perkhidmatan Perubatan, KKM)

Dr. Toh Chin Lee  
Pakar Perunding Kanan dan Ketua Jabatan Psikiatri  
Hospital Selayang  
(Selaku Ketua Perkhidmatan Psikiatri KKM)

Dr. Sabariah Faizah binti Jamaluddin  
Pakar Perunding Kanan & Ketua Jabatan Perubatan Kecemasan  
Hospital Sungai Buloh  
(Selaku Ketua Perkhidmatan Perubatan Kecemasan KKM)

Dr. Nazrila Hairizan binti Nasir  
Pakar Kesihatan Keluarga  
Klinik Kesihatan Pandamaran  
(Selaku Ketua Perkhidmatan Perubatan Keluarga KKM)

## **Senarai edaran**

Semua Pengarah Hospital Latihan Siswazah

## PEMANTAPAN TATACARA PELAKSANAAN TAGGING TERHADAP PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH (PPS).

### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 *Tagging* merupakan tempoh masa yang diperuntukkan kepada PPS yang baru bertugas dalam jabatan tertentu supaya mereka boleh menjalani proses penyesuaian diri sebelum memulakan latihan siswazah mengikut Sistem Waktu Bekerja Fleksi.
- 1.2 *Tagging* diwujudkan untuk memperkenalkan kepada PPS mengenai situasi sebenar bertugas di wad semasa menjalani latihan siswazah terutamanya keperluan bertugas pada sesi malam.
- 1.3 Semasa *tagging*, PPS didedahkan dengan pelbagai aspek urusan pentadbiran am dan aspek klinikal yang meliputi selok belok semasa bertugas di wad dan mempelajari cara atau kaedah yang betul dari Pegawai Perubatan atau Pakar dalam memberi rawatan kepada pesakit.

### 2. ISU DAN CABARAN

- 2.1 Terdapat universiti yang kurang memberikan pendedahan mengenai keperluan bertugas dalam aspek klinikal (termasuklah bertugas sesi malam) kepada pelajar mereka yang menyebabkan berlakunya kejutan budaya sebaik sahaja mereka menjalani tugas sebagai PPS termasuk semasa tugas fleksi malam.
- 2.2 Terdapat graduan perubatan yang kurang berpeluang melakukan prosedur klinikal semasa pengajian di peringkat universiti yang menyebabkan mereka kurang mahir semasa bertugas di wad. Dengan adanya *tagging*, mereka akan berpeluang mempelajari dan memantapkan lagi pengetahuan serta kemahiran mereka sebelum dibenarkan bertugas sebagai PPS secara fleksi.
- 2.3 Terdapat variasi atau perbezaan tertentu dalam pelaksanaan *tagging* diantara jabatan atau antara hospital misalnya jika PPS dilanjutkan tempoh *tagging* melebihi 2 minggu (kerana tidak kompeten) sepatutnya mereka diarahkan bertugas mengikut waktu kerja fleksi dan bukannya bertugas mengikut waktu *tagging* biasa iaitu pukul 7 pagi - 10 malam.

- 2.4 Aspek pemantauan misalnya terdapat PPS yang menjalankan *tagging* hanya dipantau oleh PPS lain dan bukannya dipantau oleh Pegawai Perubatan yang senior atau Pakar.

### 3. OBJEKTIF UTAMA *TAGGING*

- 3.1 Memberikan pendedahan awal, persediaan dan proses suai kenal serta membantu mengurangkan kejutan budaya kerjaya sebagai doktor yang perlu mengendalikan rawatan ke atas pesakit secara praktikal berbanding secara teori semasa di peringkat universiti.
- 3.2 Membantu dalam latihan agar PPS dapat diberikan pendedahan awal supaya berupaya melakukan beberapa prosedur asas mengikut disiplin masing-masing misalnya seperti *Arterial Blood Gases (ABG)*, *Venapuncture*, *Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)* sebelum mereka dibenarkan menjalani latihan siswazah.
- 3.3 Memantapkan aspek atau keupayaan dalam mengambil sejarah pesakit dengan lengkap, membuat pemeriksaan fizikal dengan betul dan membuat diagnosis awal dengan tepat.

### 4. PELAKSANAAN SISTEM *TAGGING*

Tatacara ini hanyalah sebagai panduan bagi membantu dalam pelaksanaan sistem *tagging* di Hospital Latihan Siswazah. Susulan itu, pihak hospital dan jabatan yang berkaitan boleh membuat penyesuaian mengikut keperluan masing-masing bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan sistem *tagging* terhadap PPS.

#### 4.1 Tempoh jangkamasa *tagging* (*Duration*)

- 4.1.1 Tempoh masa *tagging* biasa yang dilaksanakan bagi setiap posting lazimnya adalah **2 minggu** setiap kali mereka memulakan posting baru. Bagi PPS di posting pertama (lantikan baru), *tagging* akan bermula selepas Program Orientasi di peringkat hospital.
- 4.1.2 Waktu *tagging* akan bermula dari pukul 7 pagi hingga 10 malam setiap hari (mengikut keperluan latihan).
- 4.1.3 Tempoh *tagging* boleh dipendekkan kepada 1 minggu sahaja sekiranya PPS didapati telah mahir dan selamat untuk bertugas di mana keputusan ini adalah bergantung kepada Ketua Jabatan.

4.1.4 Tempoh *tagging* boleh dilanjutkan melebihi 2 minggu sekiranya PPS masih tidak mencapai tahap minima kompetensi yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, PPS tersebut perlu bertugas mengikut sistem kerja fleksi termasuklah menjalani fleksi malam.

#### 4.2 Penyeliaan dan pemantauan semasa menjalani *tagging*

4.2.1 PPS yang menjalani *tagging* perlu diberikan bimbingan oleh Pakar Penyelia atau Pegawai Perubatan yang senior dan **bukannya** diselia atau dibimbing oleh PPS lain.

#### 4.3 Cuti yang dibenarkan semasa menjalani *tagging*

4.3.1 PPS wajar diberikan cuti rehat **1 hari** dalam seminggu dan cuti tersebut tidak semestinya perlu jatuh pada hujung minggu.

4.3.2 Cuti-cuti lain contohnya cuti sakit adalah mengikut kelayakan sama seperti penjawat awam yang lain. Namun, sekiranya PPS mengambil cuti yang berlebihan semasa menjalani *tagging* maka mereka perlu mengantikan hari-hari tidak hadir bertugas sehingga tempoh *tagging* tersebut mencukupi 2 minggu.

#### 4.4 Kehadiran bertugas semasa tempoh *tagging*.

4.4.1 PPS perlu hadir setiap hari sepanjang tempoh *tagging* dijalankan seperti yang dijelaskan di perenggan 4.3.2.

4.4.2 PPS wajib menyetik kad perakam waktu sepanjang tempoh *tagging* sebagai bukti kehadiran.

#### 4.5 Kriteria utama sebelum dibenarkan *off-tagging*

Diantara kriteria utama yang diperlukan bagi PPS sebelum melayakkan mereka dibenarkan *off-tagging* adalah seperti berikut :

##### 4.5.1 Sikap yang memuaskan

- Mempunyai sikap yang baik, berdisiplin, bertanggungjawab dan profesional serta boleh bekerja dalam satu pasukan.
- *Multisources feedback (MSF)* mengenai sikap dan disiplin PPS diperolehi misalnya dari Pegawai Perubatan, Penyelia Jururawat, Ketua Jururawat yang berada di wad.

#### 4.5.2 Kehadiran yang optimum

- Sekiranya PPS mengambil cuti sakit @ cuti kecemasan maka mereka perlu menggantikan semula hari-hari tidak hadir bertugas sehingga tempoh *tagging* tersebut mencukupi 2 minggu.

#### 4.5.3 Mencapai tahap minima kompetensi (*Procedures & Interpretation of lab result*)

- Mampu melakukan prosedur asas ditahap minima kompetensi seperti *venapuncture*, Arterial Blood Gases (ABG), *Continuous Bladder Drainage (CBD)*, *Blood Culture & Sensitivity* berdasarkan keperluan buku log disiplin masing-masing.
- Mampu untuk mentafsirkan dan membuat analisa terhadap keputusan ujian-ujian makmal asas seperti ujian Patologi, ujian Radiologi dan sebagainya seperti yang disyaratkan mengikut disiplin masing-masing

#### 4.5.4 Prestasi kerja yang mencapai *tahap* minima kompetensi (*Clerking & Presenting Cases*).

- Mampu mengambil sejarah pesakit dengan betul dan berinformasi misalnya sekurang-kurangnya 4 hingga 5 kes yang berlainan diagnosis bergantung kepada keperluan disiplin masing-masing.
- Mampu membuat pemeriksaan fizikal ke atas pesakit dengan betul misalnya sekurang-kurangnya dalam 4 sistem utama yang berbeza iaitu Sistem Kardiovaskular, Sistem Respiratori, Sistem Abdomen & Sistem Saraf bergantung kepada keperluan disiplin masing-masing.
- Mampu membuat diagnosis awal dengan betul terutamanya bagi kes-kes yang lazim atau kes biasa mengikut disiplin masing-masing.

#### 4.5.5 Pengetahuan yang memuaskan (*Appropriate Subject Knowledge*).

- Mampu memberi rawatan awal yang bersesuaian bagi kes-kes yang memerlukan rawatan segera (*Emergency Case*) setelah memaklumkan kepada Pegawai Perubatan, sementara



menunggu pelan rawatan muktamad dari Pegawai Perubatan atau Pakar.

#### 4.6 Perlanjutan tempoh *tagging*

- 4.6.1 PPS yang berjaya memenuhi kriteria yang ditetapkan (seperti perkara 4.5) akan dibenarkan menamatkan *tagging* bagi memulakan waktu kerja fleksi.
- 4.6.2 PPS yang gagal memenuhi kriteria yang ditetapkan (seperti perkara 4.5) akan dilanjutkan tempoh *tagging*. Namun begitu, semasa menjalani perlanjutan *tagging*, PPS perlu bertugas mengikut sistem kerja fleksi (bukannya mengikut waktu *tagging* biasa iaitu dari pukul 7 pagi -10 malam).
- 4.6.3 Sekiranya PPS dilanjutkan *tagging*, penilaian seterusnya akan dilaksanakan setiap 2 minggu bagi menentukan samada mereka sudah mencapai tahap minima kompetensi yang diperlukan sebelum dibenarkan menamatkan *tagging*.
- 4.6.4 Perlanjutan tempoh *tagging* akan diputuskan oleh Jawatankuasa di peringkat jabatan atau Jawatankuasa di peringkat hospital. Keputusan perlanjutan tempoh *tagging* perlu dimaklumkan kepada PPS oleh Ketua Jabatan atau Pakar Penyelia.
- 4.6.5 Ketua Jabatan atau Pakar Penyelia perlu membuat dokumentasi secara bertulis sekiranya PPS dilanjutkan tempoh *tagging*. Helaian untuk proses dokumentasi tersebut telah disediakan dalam buku log bagi posting masing-masing.
- 4.6.6 Perlanjutan tempoh *tagging* adalah sama seperti konsep perlanjutan PPS yang tidak kompeten dalam posting iaitu;
  - a. Sekiranya dalam tempoh 4 bulan, PPS masih tidak mencapai tahap minima kompetensi maka tempoh *tagging* akan dilanjutkan selama 2 bulan + 2 bulan (jumlah 4 bulan) di hospital yang sama.
  - b. Sekiranya dalam tempoh tersebut, PPS masih tidak mencapai tahap minima kompetensi maka tempoh *tagging* perlu dilanjutkan lagi selama 3 bulan lagi iaitu sebagai penilaian terakhir di mana PPS tersebut perlu ditukarkan ke hospital lain.

- c. Seterusnya, sekiranya PPS masih tidak mencapai tahap minima kompetensi semasa menjalani penilaian terakhir tersebut, maka mereka akan dirujuk ke Mesyuarat Lembaga Kelayakan Perubatan untuk diputuskan.

## **5. PENJELASAN YANG TIDAK DINYATAKAN DALAM TATACARA**

- 5.1 Sebarang penjelasan di atas perkara yang tidak dinyatakan dalam tatacara ini akan dikemukakan kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia selaku Pengerusi Lembaga Kelayakan Perubatan untuk diputuskan secara edaran.


## **6. PERTANYAAN DAN MAKLUMBALAS**

- 6.1 Adalah dimaklumkan bahawa tatacara ini hanyalah sebagai panduan am bagi membantu pelaksanaan sistem *tagging* di semua Hospital Latihan Siswazah. Susulan itu pihak jabatan atau disiplin berkaitan boleh membuat penyesuaian mengikut keperluan masing-masing bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran pelaksanaan sistem *tagging* di hospital.
- 6.2 Tatacara ini adalah dinamik dan akan dikemaskini serta ditambahbaik dari masa ke semasa. Susulan itu, KKM sentiasa mengalu-alukan sebarang input dan maklumbalas bagi tujuan pemurnian serta penambahbaikan tatacara ini.
- 6.3 Sebarang pertanyaan atau maklumbalas sila hubungi:

**Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia**  
No. Tel : 03-88831107  
No. Faks : 03-88831105

**Tarikh kemaskini : 30hb Mac 2016**

## CARTA ALIR PENGURUSAN SISTEM TAGGING PPS



### **Perlanjutan *tagging* sama seperti konsep perlanjutan PPS yang tidak kompeten dalam posting.**

- Sekiranya dalam tempoh 4 bulan, PPS masih tidak mencapai tahap minima kompetensi maka tempoh *tagging* akan dilanjutkan selama 2 bulan + 2 bulan (jumlah 4 bulan) di hospital yang sama.
- Sekiranya dalam tempoh tersebut, PPS masih tidak mencapai tahap minima kompetensi maka tempoh *tagging* perlu dilanjutkan lagi selama 3 bulan lagi iaitu sebagai penilaian terakhir di mana PPS tersebut perlu ditukarkan ke hospital lain.
- Seterusnya, sekiranya PPS masih tidak mencapai tahap minima kompetensi semasa menjalani penilaian terakhir tersebut, maka mereka akan dirujuk ke Mesyuarat Lembaga Kelayakan Perubatan untuk diputuskan.